

# Gempar kelibat anak buaya 'berehat' atas jalan raya

**Kuantan:** Orang ramai yang melalui Jalan Teluk Chempedak, di sini, gempar seketika apabila kelibat seekor anak buaya tembaga sedang 'berehat' di atas jalan raya pada Selasa lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu, difahamkan reptilia seberat lapan kilogram itu dipercayai terlepas dari Mini Zoo Taman Teruntum ketika dikuarantin di sebuah bilik untuk mendapatkan rawatan akibat kecederaan di bahagian ekor.

Kehadiran reptilia di tengah-tengah jalan turut me-



**Kita mengesannya esoknya (kelmarin) pada jam 8 pagi apabila ia ditemui di dalam longkang tanpa mengalami sebarang kecederaan”**

**Jurucakap Mini Zoo**

**Taman Teruntum**

nyebabkan pengguna lalu lintas terutama penunggang motosikal terpaksa menekan brek secara mengejut

bagi mengelak melanggarnya ditambah kadar penglihatan yang terhad kerana hujan lebat.

Jurucakap Mini Zoo Taman Teruntum berkata, anak buaya tembaga itu dipercayai terlepas pada jam 8 malam sebelum reptilia berkenaan merayap ke jalan besar tidak jauh dari zoo itu.

“Kita mengesan esoknya (kelmarin) pada jam 8 pagi apabila ia ditemui di dalam longkang tanpa mengalami sebarang kecederaan,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

HARIAN MEIRO 27-01-2017



**KAKITANGAN** Mini Zoo Teruntum membawa seekor anak buaya tembaga yang ditemui di atas jalan.